



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DUA BOT NELAYAN ASING DIMUSNAHKAN, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	KENAIKAN HARGA RACUN, BAJA JEJASKAN 248,000 PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -8	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	POTENSI PRODUK DAGING KULTUR DI MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -10	LAIN-LAIN
4.	TERNAKAN IKAN PATIN SANGKAR KRITIKAL, DALAM NEGERI, UM -33	
5.	PENGELUARAN MAKANAN DIPERTINGKAT, HARI KEPUTERAAN SULTAN JOHOR, BH -12	
6.	AGRICULTURE PRODUCTS EXPORT REACH RM4.45 BILLION LAST YEAR, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14a	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	26

Dua bot nelayan asing dimusnahkan

KUALA TERENGGANU - Dua buah bot nelayan asing Vietnam telah dilupuskan secara hancur musnah oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu pada Rabu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, pelupusan dibuat menggunakan jengkaut selepas mendapat perintah lucut hak dari mahkamah.

“Bot nelayan asing Vietnam tersebut sebelum ini ditahan kerana mencerooboh perairan nega-

ra kerana menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, pelupusan bot nelayan asing kali ini merupakan siri pertama yang diadakan agensi tersebut pada tahun ini.

“Kaedah hancur musnah dilaksanakan ke atas bot yang bersaiz di bawah 70 GRT (*gross registered tonnage*).

“Bagi bot yang lebih besar, pelupusan biasanya menggunakan kaedah ditenggelamkan di dasar lautan menjadi tukun,” jelasnya.

FOTO: MARITIM MALAYSIA



Dua bot nelayan asing yang dilucut hak dimusnahkan menggunakan jengkaut pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Kenaikan harga racun, baja jejakkan 248,000 pesawah

Oleh AHMAD FADHILULLAH ADNAN
 utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 248,000 pesawah seluruh negara didakwa terkesan akibat kenaikan input pertanian terutamanya harga racun dan baja yang meningkat antara 40 hingga 100 peratus sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Pesaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yaacob berkata, kenaikan harga racun meningkat sejak 2020 tetapi ia sebelum ini memberi bantuan subsidi percuma RM300 untuk sehektar padi.

Bagaimanapun katanya, bantuan tersebut menurun kepada RM200 untuk sehektar padi ketika ini sekali gus memberi kesan kepada pesawah untuk menampung kenaikan kos berkenaan.

Katanya, ini kerana pesawah tetap perlu menampung pembelian tambahan barangan berkenaan meskipun kerajaan memberi bantuan pada kadar



PESAWAH seluruh negara didakwa terkesan akibat kenaikan input pertanian terutamanya harga racun dan baja yang meningkat antara 40 hingga 100 peratus.

RM300 sebelum ini, apatah lagi jika ia dikurangkan RM100.

"Kenaikan harga racun naik daripada 40 hingga 100 peratus. Kalau dulu contoh RM40, sekarang dekat RM100. Kalau sebelum ini RM50 sekarang sudah jadi RM75. Boleh dikatakan semua jenis racun naik harga antaranya jenis racun ulat dan

racun dalam sawah padi.

"Selain itu, baja pun naik harga. Kalau sebelum ini RM50 sekarang RM80, memang kerajaan bagi baja subsidi yang dikeluarkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), tetapi pesawah tetap perlu tambah kuantiti baja. Jika mahu kurangkan kos, (boleh sahaja) pakai baja

subsidy, tetapi boleh menyebabkan tanaman padi tidak elok (subur).

"Semua ini memberi kesan kepada pendapatan pesawah apabila perlu keluar belanja mahal (untuk memulakan tanaman padi). Contoh sebelum ini mungkin semusim RM1,000, sekarang jadi RM1,500 dan ia

bergantung kepada keluasan yang diusahakan, lagi banyak bendang maka lagi banyak belanjanya," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd. Fuad berkata, biarpun pesawah kini menerima manfaat daripada Bantuan Khas Padiberas Nasional Bhd (Bernas) dan wang bantuan sebanyak RM600 selama tiga bulan ketika tempoh rehat, tunggu dan tuai, namun kenaikan kos barangan itu tetap membebankan.

Katanya, ini kerana mereka terpaksa berdepan dengan kenaikan kos tersebut, tetapi harga tanaman padi masih tetap pada tahap yang sama sahaja.

"Petani mengeluarkan sebab harga padi macam itu saja, tetapi harga barangan naik sedangkan harga padi ditentukan oleh kerajaan dan bukannya petani.

"Dengan kenaikan kos, kerajaan mahu beri rakyat makan beras murah, tetapi kenaikan kos ditanggung oleh pesawah," jelasnya.

Justeru, beliau menyarankan kerajaan menyemak semula kawalan harga beras supaya ia selari dengan kenaikan kos yang dihadapi pesawah.

Potensi produk daging kultur di Malaysia

MINGGU lalu, sebuah syarikat tempatan mengumumkan penubuhan sebuah fasiliti penghasilan daging kultur pertama negara bertempat di Pulau Pinang, melibatkan pelaburan tempatan berjumlah RM20 juta menjelang suku tahun keempat 2024.

Syarikat itu dijangka melancarkan produk daging kultur pertamanya pada Mei 2025.

Menurutnya, daging kultur dihasilkan daripada bioteknologi yang melibatkan pembiakan sel tisu haiwan dalam persekitaran makmal terkawal berbeza daripada kaedah penternakan haiwan melibatkan pemeliharaan dan penyembelihan haiwan.

la mendakwa, hasilnya adalah replika daging sebenar yang berpotensi menawarkan rasa, tekstur dan nilai pemakanan yang sama seperti daging yang diperolehi melalui kaedah penternakan konvensional.

Jelas, terdapat potensi tinggi bagi penghasilan daging kultur di negara ini dengan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Arthur Joseph Kurup melihatnya sebagai salah satu penyelesaian baharu untuk sumber daging mampan yang berpotensi merevolusikan industri makanan di Malaysia.

"Laporan oleh Research and Markets menganggarkan, pasaran daging kultur yang kini bernilai RM791.87 juta pada 2022



Analisis
Semasa

Bersama
IKHWAN IDERIS

akan meningkat kepada RM1.443 bilion pada 2027, dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Kumulatif (CAGR) 12.76 peratus.

"Pembangunan teknologi daging kultur di Malaysia bakal mencipta peluang pekerjaan dan menjana pendapatan sambil menangani cabaran-cabaran negara seperti keselamatan makanan, pengurusan kesihatan dan perubahan iklim," katanya.

Pada masa sama, sekiranya dilihat dari sudut berbeza, terdapat beberapa isu tentang penjualan daging kultur di negara ini.

Pakar Sains Makanan dan Pemakanan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Emeritus Dr. Aminah Abdullah berkata, isu daging kultur amat kompleks, sama seperti penghasilan dan memerlukan kajian mendalam pihak berwajib.

"Persoalan pertama ialah sama ada ia untuk dimakan oleh manusia atau haiwan. Sekiranya untuk manusia, ia membuka ke- pada persoalan halal dan haram.

"Perkara pertama yang perlu dilihat adalah sumber daging berkenaan, sama ada ia diambil

daripada tumbuhan atau haiwan dan sekiranya haiwan, adakah yang masih hidup atau telah mati. Jika telah mati, adakah ia disembelih mengikut syarak?"

"Kedua ialah medium yang digunakan, adakah diambil daripada sumber dan bahan halal dan akhir sekali proses penjagaannya," katanya.

Aminah mengakui sememangnya ada manfaat dalam penghasilan daging kultur, terutamanya dari segi kos.

Hal ini kerana, dengan teknologi yang ada hari ini dan menuju ke hadapan, menghasilkan daging di makmal berpotensi menjadi lebih murah dan mudah berbanding membela termakan di lapangan yang terdedah kepada cuaca, penyakit serta pelbagai faktor luaran lain.

Tambahnya, dengan teknologi penghasilan daging kultur semakin maju terutamanya di negara-negara barat, pihak berwajib termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) perlu bertindak segera kerana proses penilaian daging kultur ini, dari segi halal haramnya mungkin mengambil masa.

"Jabatan Agama Islam perlu memainkan peranan sekiranya daging kultur ini dicadangkan untuk dijual di pasaran Muslim.

"Paling penting, kita tidak mahu umat Islam terkeliru tentang status daging kultur jika ditawarkan di pasaran," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Ternakan ikan patin sangkar kritikal

Oleh **MOHAMMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulla.com.my


JERANTUT: Bekalan ikan patin sangkar yang berkurangan hampir 80 peratus dan berdepan krisis kritikal ketika ini boleh menyebabkan harganya melambung RM30 sekilogram terutamanya pada Ramadan ini.

Ketika ini, harga patin sangkar antara RM22 ke RM24 sekilogram berbanding RM18 ke RM20 sebelum ini.

Tiga faktor utama mempengaruhi kekurangan bekalan sumber protein tersebut ialah harga makanan ikan mahal, kekurangan benih dan kadar kematian tinggi sehingga lebih 70 peratus setiap satu sangkar.

Disebabkan krisis itu, bekalan ikan patin sangkar dijangka hanya mampu bertahan sehingga dua minggu Ramadan sekali gus menjejaskan sumber pendapatan pengusaha.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*



kanan ikan yang terlalu mahal daripada RM60 sebelum ini, kini RM84 satu beg 20 kilogram.

“Seorang pengusaha biasanya ada dalam 25 sangkar seorang. Satu sangkar 100 beg makanan. Ini yang jadi masalah sangkar terangkat sebab harga makanan mahal, hendak tambah sangkar memang tak mampu.

“Kehidupan kami kini ibarat telur di hujung tanduk. Di Termerloh saya difahamkan, ada pengusaha yang terpaksa menjual sangkar kerana tidak mampu menanggung kerugian,” katanya di sini semalam.

Azman berkata, isu kedua kekurangan benih ikan yang lebih setahun berlarutan dan paling ketara dalam tempoh enam bulan lalu.

Berhubung isu kadar kematian ikan dalam sangkar, katanya, daripada 3,000 ekor benih ikan dilepaskan, peratusan hidup hanya membabitkan 800 ekor.

PENGUSAHA ikan patin sangkar, **Fazirul Mohd. Aspa** menunjukkan sangkar ikan yang kosong dan terpaksa diangkut di **Kampung Jerantut Feri, Jerantut, Pahang.** - **UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**

laysia, pengusaha dan peruncit ikan sangkar di kampung itu, hanya lapan orang aktif membabitkan lebih 200 sangkar.

“Pengusaha lain membabit-

kan lebih 600 sangkar sudah pun mengangkat sangkar gus hilang punca pendapatan. Saya lihat punca utama adalah ma-

23/8/2023

BERITA
HARIAN
HARI KEPUTERAAN
SULTAN JOHOR

12

Pengeluaran makanan dipertingkat

Lembah Makanan Bio Desaru komersialkan sektor pertanian

@leah Muhamad Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Lembah Makanan Bio Desaru adalah sebuah projek pertanian bersepadu berskala komersial yang pertama seumpamanya diwujudkan di negara ini. Ia dibangunkan dengan misi bagi memperkukuhkan rantaian pengeluaran makanan negeri ini sekali gus menjadi pusat pengeluaran negara.

Projek ini adalah inisiatif kerajaan Johor melalui Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Johor (J-Biotech) dengan pelaksanaan dibangunkan dengan konsep memperluaskan ap-

likasi bioteknologi secara berkesan dalam mengkomersialkan pertanian, selain menitikberatkan elemen biosekuriti dan pemeliharaan ekologi.

Diterajui oleh anak syarikat di bawah Kumpulan J-Biotech iaitu Bio Desaru Sdn Bhd, lembah makanan ini dibangunkan di atas kawasan seluas 3,642 hektar (9,000 ekar) di Mukim Sedili Kecil dan Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi.

Lembah makanan ini dilengkapi dengan pengintegrasian elemen biosekuriti yang bertujuan untuk memastikan kawasan ini selamat, bebas daripada serangan perosak, penyakit serta pencemaran.

Pingkat nilai tambah rasu

Amalan ini sekali gus berupaya meningkatkan nilai dan kualiti hasil perladangan negara.

Pembangunan projek di dalam Lembah Makanan Bio Desaru adalah berteraskan kepada empat komponen utama iaitu,



Tanaman padi terapung di KOREF, Desaru Leisure Farm, Bio Desaru.

(Foto J-Biotech)

Bio-Pertanian, Bio-Akuakultur, Bio-Ternakan dan Bio-Pelancangan.

Sehingga awal tahun ini, sebanyak 22 projek telah dibangunkan dengan anggaran nilai pelaburan sebanyak RM840 juta.

Antara projek pertanian berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan adalah Projek Ternakan

Ayam Baka, Projek Ternakan Ayam Penelur, Projek Penetasan Benih Udang Putih, Projek Ternakan Kelapa Pandan serta Projek Pusat Penghasilan Baka Lembu Tenuku.

Di samping pembangunan projek pertanian secara konvensional, projek yang dilaksanakan di Bio Desaru juga mengaplika-

sikan pelbagai teknologi moden dan lestari yang berupaya untuk memaksimumkan hasil pengeluaran ladang, menjimatkan penggunaan sumber tenaga kerja, elektrik, tanah dan air, mengurangkan pelepasan karbon dan memelihara biodiversiti serta ekosistem di sekitarnya.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu dalam memodenkan sektor pertanian tempatan tetapi juga berupaya menyumbang kepada keterjaminan makanan Johor.

Selain itu, sebanyak tujuh projek baharu juga akan dibangunkan di dalam kawasan Bio Desaru bermula tahun ini dengan kerjasama syarikat pelabur dari dalam dan luar negara.

Dengan anggaran nilai pelaburan keseluruhan berjumlah RM1.23 bilion, pembangunan projek baharu ini juga akan membabitkan pengintegrasian pelbagai teknologi moden yang akan dapat mentransformasikan sektor pertanian Johor ke arah pertanian mampan dan lestari.

Headline	Agriculture products export reach RM44.5 billion last year		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	23 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 818
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,455



去年农产品出口逾445亿

我国去年的农产品出口为445亿5000万令吉，2021年则有386亿2000万令吉。

农业及食品安全部在21日的国会书面，回答蕉赖国会议员陈国伟的询问时称，其中出口价值高的产品为咖啡、可可、茶、香料；谷物和谷物制品；鱼类、软体动物、甲壳类动物及其制品；奶制品及水果。

去年进口农产品为755亿4000万令吉，2021



我国去年的农产品出口为445亿5000万令吉。

年则是635亿9000万令吉。

进口价值最高的商品

包括咖啡、可可、茶叶、香料和制品；谷物和谷物制品；牲畜食物和蔬菜。#